# Pemeriksaan terperinci sebelum peperiksaan

← Dari V29

"Bukan sahaja pelajar tempatan yang terbabit dengan kesalahan membawa 'toyol', malah pelajar antarabangsa yang dihantar keluarga atau kerajaan masing-masing ke universiti di negara ini juga melakukannya demi memastikan matlamat memperoleh keputusan yang terbaik," kata mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) itu.

Mohamad Noor Farez berkata, pelbagai cara dilakukan pelajar terbabit untuk membawa masuk 'toyol' ke dewan peperiksaan, seperti menyelit nota kecil dalam tali leher, menyelit kertas dalam pakaian, menulis formula pada celah pen, mencatat maklumat pada bahagian badan, selain memasukkan perincian maklumat di dalam telefon pintar dan membawa gajet itu ke tandas ketika peperiksaan berlangsung sebagai rujukan.

"Di sebalik perbuatan tidak beretika dan membuatkan diri perlu bergantung kepada usaha atau kaedah tidak baik untuk lulus subjek tertentu, pelajar seharusnya percaya kepada diri dan kemampuan sendiri," katanya.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Sesi 2017/2018, Muhammad Ammar Rafiq Ruslan, berkata perbuatan membawa nota ringkas bagi membantu menjawab kertas peperiksaan adalah satu bentuk jenayah akademik yang perlu dibanteras, demi melahirkan pelajar bertanggungjawab, telus dan memiliki kecemerlangan sebenar.



*Muhammad Ammar Rafiq Ruslan*

## Jenayah akademik

Katanya, sikap negatif ditonjolkan itu tidak melambangkan identiti sebenar seorang mahasiswa yang sepatutnya mengangkat martabat akademik dan bukannya melakukan sesuatu untuk merendahkannya.

Beliau berkata, perbuatan membawa 'toyol' bukan sahaja menunjukkan sikap tidak yakin mahasiswa terhadap apa yang telah dipelajari, tetapi memberi impak besar kepada mereka untuk dikenakan tindakan tegas, sama ada mengulang semula kertas peperiksaan, digantung semester dan lebih berat, dibuang daripada universiti.

"Penipuan akademik dilakukan mahasiswa ini boleh menyebabkan mereka hilang arah semasa alam pekerjaan kelak kerana ilmu yang dikuasai tidak datang dari dalam diri, sebaliknya melalui kertas nota dibawa masuk semasa peperiksaan.

"Sikap ini juga seperti menipu diri sendiri walaupun mereka mendapat gred yang baik kerana keputusan terbabit adalah hasil daripada jenayah akademik.

"Aktiviti ini sukar dibanteras melainkan pelajar sendiri sedar akan pentingnya nilai ketinggian martabat ilmu," kata mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah) itu.

BERITA HARIAN
15 FEBRUARI 2018